



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PELAKSANAAN *COMMUNITY BASED LEARNING* (CBL)
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI KURSUS
KHIDMAT MASYARAKAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

*IMPLEMENTATION OF COMMUNITY BASED LEARNING (CBL) IN TEACHING
AND LEARNING FOR COMMUNITY SERVICE COURSES IN HIGHER
LEARNING INSTITUTIONS*

Adlina Abdul Khalil^{1*}, Syed Sultan Bee Packeer Mohamed², Haslina Hassan³, Azizah Ibrahim⁴

¹ Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah, Kedah, Malaysia.
Email: adlina@unishams.edu.my

² Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia
Email: ss.bee@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah, Kedah, Malaysia.
Email: haslina@unishams.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah, Kedah, Malaysia.
Email: azizah@unishams.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.05.2021

Revised date: 15.05.2021

Accepted date: 31.05.2021

Published date: 25.06.2021

To cite this document:

Khalil, A. A., Mohamed, S. S. B. P., Hassan, H., & Ibrahim, A. (2021). Pelaksanaan *Community Based Learning* (CBL) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Kursus Khidmat Masyarakat Di Institusi Pengajian Tinggi. International

Abstrak:

Proses pembelajaran di peringkat pengajian tinggi perlu melalui fasa transformasi sejajar dengan kehendak dan keperluan masa kini. Pelaksanaan aktiviti pengajaran dan tugas yang diberikan sebaiknya menekankan aspek pembentukan modal insan. Dalam erti kata yang lain, mahasiswa perlu dibekalkan dengan konsep *independent study*, melihat masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan peka terhadap perubahan yang beralaku dalam masyarakat. Ini kerana, selepas bergraduasi mahasiswa akan berada dalam komuniti. Kelompok komuniti di tempat kerja dan komuniti di luar tempat kerja. Aspek-aspek kemahiran yang diperolehi semasa belajar di universiti akan menjadi kayu ukur kepada kemampuan mahasiswa memberi khidmat terbaik kepada majikan mereka nanti. Pengajaran dan pembelajaran pada masa kini perlu dibuat penambahbaikan mengikut arus perubahan zaman. Stigma pemikiran masyarakat yang menyatakan pensyarah sebagai tenaga pengajar sahaja, perlu ditambah kepada pensyarah menjadi penasihat sesuatu projek atau tugas yang diberikan kepada mahasiswa. Atas faktor ini, maka kajian dibuat

Journal of Education, Psychology and
Counseling, 6 (40), 145-159.

DOI: 10.35631/IJEPC.640012.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



untuk melihat bagaimana pelaksanaan *Community Based Learning* (CBL) dalam kursus Khidmat Masyarakat boleh dijadikan medium pengajaran berkesan dalam membina personaliti diri mahasiswa. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan (tinjauan *cross-sectional*) dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif berdasarkan peratusan yang diperolehi hasil daripada edaran soal selidik. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 239 pelajar peringkat Ijazah dari pelbagai latar belakang bidang pengajian dan institusi pengajian berbeza iaitu Uitm, UUM UniKL dan UniSHAMS. Kajian tertumpu kepada aspek kesan dan cabaran mahasiswa mengaplikasi CBL dalam kursus Khidmat Masyarakat. Dapatan kajian mendapati pembentukan personaliti pelajar seperti pembinaan keyakinan diri, sikap kepimpinan, berfikiran kritis berlaku apabila CBL diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun mereka berjaya mengaplikasikan pembelajaran CBL, namun terdapat sesetengah mahasiswa terpaksa berhadapan dengan beberapa bentuk cabaran. Antara bentuk cabaran yang dominan adalah terdapat perbezaan pandangan dengan ahli kumpulan, kerjasama tidak diberikan oleh komuniti dan kekangan kewangan. Namun atas dasar komited kepada tanggungjawab, para mahasiswa dapat menangani masalah yang dihadapi dengan cara berhikmah dan akhirnya dapat menyelesaikan tugasan yang diberikan.

Kata Kunci:

Community Based Learning (CBL), Pengajaran dan Pembelajaran, Kursus Khidmat Masyarakat, IPT

Abstract:

The learning process at the tertiary level needs to go through a phase of transformation in line with the demand of the current situation. The implementation of teaching activities and assignments given should emphasize the aspect of human capital formation. In other words, students need to be provided with the concept of independent study, see the problems faced by society and be sensitive to changes taking place in society. This is because, after graduation, students will be in the community. Community groups in the workplace and communities outside the workplace. Aspects of skills acquired while studying at university will be a measure of the ability of students to provide the best service to their employers later. Teaching and learning today needs to be improved according to the changing times. The stigma of society's thinking defining that lecturer are only teachers should be added to lecturers as advisors of a project or assignment given to students. Based on this factor, a study was conducted to see how the implementation of Community Based Learning (CBL) in Community Service courses can be used as an effective teaching medium in building students' personalities. The design of the study was a survey study (cross-sectional survey) and the data obtained were analyzed descriptively based on the percentage obtained from the distribution of the questionnaire. Respondents involved in this study were 239 undergraduate students from various backgrounds and institutions of study namely Uitm, UUM UniKL, and UniSHAMS. The study focused on the impact and challenges aspects of students applying CBL in Community Service courses. The findings of the study found that the formation of student personality such as self-confidence, leadership attitude, critical thinking occurs when CBL is applied in the teaching and learning process. Although CBL successfully applied in teaching and learning, there were some students who had to face some form of challenge. Among the dominant forms of challenge are differences of opinion with group members, lack of cooperation by the community, and financial constraints. However, on the basis of

commitment and responsibility, students can deal with the problems faced in a wise manner and eventually be able to complete the assigned tasks.

Keywords:


Community Based Learning (CBL), Teaching and learning, Community Service Course, IPT

Pengenalan

Kebelakangan ini, banyak isu yang membelenggu masyarakat akibat perubahan gaya hidup yang dipengaruhi oleh pembangunan teknologi. Konflik dalam masyarakat adalah senario biasa yang sering berlaku dalam sesebuah negara sama ada negara miskin, sedang membangun mahupun negara membangun. Atas dasar ini, satu pendekatan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang peri pentingnya hubungan dengan komuniti, mengurangkan konflik dalam negara perlu diberi perhatian sewajarnya. Melalui pendekatan pengajaran berasaskan *Community-Based Learning* (CBL) ia akan dapat memberi peluang kepada para mahasiswa belajar pelbagai perkara yang wujud dan berlaku dalam komuniti. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) di mana pelajar dan pensyarah akan bekerjasama dengan komuniti untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan isu.

Seterusnya, pembelajaran seumpama ini akan memberi pengalaman baru kepada mahasiswa mengaplikasi ilmu yang dipelajari di dalam bilik kuliah ke dalam bentuk penyelesaian tugasan projek. Penyelesaian projek ini mestilah diberikan tempoh masa tertentu untuk disiapkan dan bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil yang akan dipantau gerak kerjanya oleh pensyarah berkaitan. Pelbagai manfaat yang bakal diperolehi oleh para mahasiswa sejajar dengan perubahan untuk melahirkan golongan mahasiswa yang bukan sahaja menghafal teori-teori tetapi peka terhadap permasalahan dalam komuniti dan cuba membantu komuniti menyelesaikan masalah. Komuniti merujuk kepada sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu kawasan, berinteraksi antara satu sama lain dan berkongsi minat yang sama. Mereka sentiasa berkongsi idea, menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dan bekerja dalam bidang yang sama.

Dalam kajian ini, apa yang ingin dikaji adalah bagaimana mata pelajaran seperti Khidmat Masyarakat dapat menyahut cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (Sohail & Fazidah, 2018). Antara intipati pelan ini adalah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) perlu dimantapkan melalui kaedah Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dalam menyokong IPT membentuk suatu kurikulum yang bersepadu. Merujuk kepada Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi dalam Matapelajaran Umum 2019, HIEPs merujuk kepada strategi, teknik dan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang. Pembelajaran melalui kaedah ini terbukti amat bermanfaat kerana ia dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Terdapat beberapa ciri-ciri HIEPs yang akan dikaji.




Jadual 1: Ciri-ciri HIEPs

Latar Belakang Kajian

Kaedah amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) ini memberi impak positif kepada para pelajar kerana ia akan memberi ruang kepada pelajar mengaplikasi bakat terpendam melalui tugas yang perlu diselesaikan. Pendedahan terhadap konsep penyelesaian masalah secara sendiri atau berkumpulan turut akan membantu mereka meningkatkan keyakinan diri apabila berhadapan dengan masalah dalam pembelajaran mahupun dalam alam kerjaya satu hari nanti. Jika dilihat dalam konsep pengajaran dan pembelajaran sebelum ini, para pelajar banyak terdedah dengan konsep pembelajaran sehalu. Pada masa kini, perubahan zaman banyak mengubah cara berfikir pelajar dan cara pembelajaran yang mereka minati telah mencetuskan konsep pembelajaran yang lebih menekankan konsep pembelajaran dua hala

Antara aspek yang dilihat dalam kajian ini adalah kesan pelaksanaan CBL dalam pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat. Di samping itu, fokus kajian juga adalah untuk mengenalpasti cabaran yang terpaksa dilalui oleh pelajar dalam menyelesaikan tugas yang telah diberikan oleh pensyarah. Hal ini disebabkan latar belakang pendidikan, pengalaman dan persekitaran pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Keadaan ini sudah tentu akan membawa kepada perspektif berbeza dalam merancang dan menyusun strategi pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat.

Dalam kajian ini, pengkaji turut menyentuh teori berkaitan CBL. Model yang diketengahkan dalam model *Kolb's Learning Styles and Experiential Learning Styles* sesuai



Pfeiffer, J.W., & Jones, J.E., "Reference Guide to Handbooks and Annuals"
© 1983 John Wiley & Sons, Inc.
Reprinted with permission of John Wiley & Sons, Inc.

digunapakai dalam konteks pembelajaran berdasarkan `Community Based Learning'. David Kolb telah berkongsi Model Gaya Pembelajaran ini pada tahun 1984. Dalam model ini terdapat 4 tahap gaya pembelajaran. Menurut Teori Kolb, pembentukan konsep-konsep terbaru dalam kehidupan adalah didorong oleh faktor pengalaman. Beliau menyatakan, "Belajar adalah satu proses, manakala pengetahuan wujud hasil dari pengalaman". Antara 4 tahap gaya pembelajaran tersebut adalah pengalaman yang dilalui, tindakbalas terhadap pengalaman baru, penemuan idea baru dan yang terakhir menguji idea baru tersebut dalam kehidupan seharian. Kebanyakan kajian Kolb lebih menjurus kepada proses pemikiran seseorang individu dalam kehidupan seharian. Menurut beliau, pembelajaran yang efektif akan dapat dilihat dalam 4 tahap. Antaranya adalah bertindak melalui pengalaman, melihat dan bertindak balas, menganalisa, membuat kesimpulan dan cuba mengaplikasi perkara baru. Hasil dari mengaplikasi perkara baru ini, dikenali sebagai pengalaman. Beliau telah memberi sumbangan besar dalam kajian berkaitan pemikiran manusia bermula dari gaya pembelajaran sehinggalah kepada kesan penggunaan gaya pembelajaran yang betul terhadap kehidupan manusia. Manfaat yang sangat besar kepada masyarakat terutama sekali pelajar untuk lebih berjaya dalam pengajian sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti kaedah pengendalian pengajaran dan pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat dengan menggunakan pendekatan *Community Based Learning* (CBL).
2. Mengkaji keberkesanan kursus Khidmat Masyarakat dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar .
3. Menganalisis cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat dengan menggunakan pendekatan *Community Based Learning* (CBL).

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah kaedah pengendalian pengajaran dan pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat dengan menggunakan pendekatan *Community Based Learning* (CBL)?
2. Adakah kursus Khidmat Masyarakat berkesan dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar ?
3. Apakah cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat dengan menggunakan pendekatan *Community Based Learning* (CBL)?

Kajian Literatur

Dalam penulisan kajian lepas ini akan dilihat kajian-kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan pelaksanaan CBL dalam kursus Khidmat Masyarakat. Selain itu, akan dilihat kepentingan pelaksanaan CBL ini terhadap pembentukan saksiah dan personaliti mahasiswa. Pembentukan personaliti yang menarik akan menjadi tarikan untuk mendapat tawaran pekerjaan apabila tamat pengajian nanti. Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan (2021) dalam kajian beliau melihat pelbagai inisiatif telah dibuat oleh institusi pengajian tinggi bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan mempunyai ciri-ciri yang diinginkan majikan. Kemahiran komunikasi telah dikenal pasti sebagai satu elemen yang membantu graduan dalam mempertingkatkan kualiti keperibadian mereka. Berdasarkan kajian berkaitan kemahiran komunikasi bukan lisan serta tahap keterampilan peribadi pelajar di UPM dan UMS didapati berada pada tahap tinggi. Manusia berkomunikasi kerana ingin mempengaruhi pemahaman orang lain, sikap dan juga tindakan pihak lain sama ada mereka bersetuju atau tidak ke atas sesuatu isu. Selain itu, komunikasi juga merupakan proses dua hala yang mana kedua-dua belah pihak harus memberi respons terhadap sesuatu maklumat yang disampaikan.

Seterusnya, menurut Maznah (2014), *Service-Learning* atau pembelajaran berasaskan khidmat merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan pengalaman dalam berkhidmat kepada masyarakat. Ia juga didefinisikan sebagai 'kaedah pembelajaran di mana pelajar memberikan khidmat kepada komuniti yang memerlukan sebagai syarat mendapatkan kredit akademik. Seterusnya meningkatkan kemahiran sedia ada bagi menonjolkan aktiviti khidmat sebagai cara memperoleh pemahaman lanjut tentang kandungan kursus, lebih menghargai disiplin ilmu tersebut serta memupuk rasa tanggungjawab sivik. Pembelajaran melalui khidmat ini dapat membentuk hubungan sosial dan intelektual yang penting, mengasah kemahiran menyelesaikan masalah, menyemak punca masalah dari segi struktur dan institusi, mengaplikasikan pemikiran kritis, mensintesis maklumat dalam kelas dan dunia sebenar, mempelajari erti tanggungjawab sivik serta melaksanakan konsep yang abstrak.

Pada dasarnya, *Service-Learning* (S-L) adalah kaedah PdP yang disenaraikan sebagai amalan PdP yang berimpak tinggi (HIEP - high impact educational practice) di universiti terkemuka dunia. Ia telah lama diperkenalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Australia. S-L menggabungkan tiga elemen penting iaitu objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat pelajar kepada masyarakat. Melalui S-L, pelajar dalam jurusan pengajian tertentu menabur bakti kepada masyarakat dan pada masa yang sama mereka belajar untuk menyelesaikan masalah komuniti, mencabar kelaziman pembelajaran dalam bilik kuliah. Pendekatan pengajaran sebegini menunjukkan perubahan positif terhadap pembentukan personaliti pelajar semenjak ia diperkenalkan secara komprehensif di semua peringkat pengajian. Di Malaysia, pendekatan S-L masih lagi bersifat khidmat sosial yang terhad kepada elemen sukarelawan. Ia masih dalam proses awal diterapkan secara menyeluruh dalam kurikulum dan program fakulti secara terancang (Najah Nadiah & Hamdi, 2017).

Terdapat juga kajian berkaitan pelaksanaan Khidmat Masyarakat yang cuba diterap dalam kalangan pelajar sekolah. Ia sebagai menyahut cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memberi penekanan terhadap penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Namun begitu, penglibatan mereka dalam aktiviti di sekolah seluruh negara masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan perlu dipertingkatkan. Satu kajian kes telah dibuat oleh pengetua cemerlang terhadap para pelajar di SMK Putrajaya Presint 11(1). Tujuannya adalah untuk membuka pintu tindakan yang luas untuk mewujudkan jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan pelbagai agensi luar demi memberikan impak yang optimum terhadap pembangunan modal insan anak-anak murid (Halimah, Yee Leng & Beng Ean, 2017). Berdasarkan kajian yang telah dibuat dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor menunjukkan pengetahuan pengajar yang mendalam dalam kursus Pengajian Malaysia membantu meningkatkan kefahaman pelajar serta memupuk semangat patriotism dalam diri mereka (Hairol Anuar, Khairul Hamimah & Faridah, 2017).

Kajian yang dijalankan oleh Najah Nadiyah et.al (2016), memperihalkan bahawa ciri-ciri yang diperolehi daripada pendekatan *Service-Learning* adalah memberi pengalaman sebenar dan pengajaran yang bermakna, berkait dengan bidang yang diambil. Khidmat bakti dan sumbangan kepada komuniti akan memberi impak yang positif kepada pelajar dan komuniti. Berdasarkan projek yang telah dilaksanakan oleh para pelajar Universiti Malaya yang dikenali sebagai *UMCares Community Engagement* didapati bahawa program jalinan masyarakat ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Perubahan positif dalam diri para pelajar dapat dilihat apabila mereka terlibat secara langsung dengan komuniti. Antaranya adalah kemahiran insaniah, peningkatan ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat (Muhd. Asyraf, Mohd. Nazri & Nik Hussin, 2021). Justeru, perubahan demi perubahan yang berlaku dalam pembangunan komuniti perlu di ambil kira oleh pihak IPT. Ini kerana institusi akan melahirkan graduan yang akan berhadapan dengan masyarakat. IPT memikul tanggungjawab yang amat besar dalam menyediakan pelajar yang memiliki sifat kompetitif di peringkat global. Tambahan pula, pensyarah juga perlu cakna dengan perubahan transformasi supaya pengajaran dan pembelajaran yang disediakan sesuai dengan perkembangan semasa (Johari Surif et al. 2014).

Metodologi

Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 239 orang yang terdiri daripada para pelajar Uitm, UUM, UniKL dan UniSHAMS. Maklumat mengenai demografi responden dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu jantina, tahun pengajian, bidang pengajian dan nama IPT. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan (tinjauan *cross-sectional*) telah dipilih dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif berdasarkan peratusan yang diperolehi hasil daripada edaran soal selidik. Proses merekabentuk soal selidik dilaksanakan dengan teliti kerana reka bentuk yang kurang baik akan berkesudahan dengan dapatan yang tidak sah dan tidak bermakna. Salah satu kaedah yang berkesan untuk memastikan soal selidik yang direka bentuk dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah dengan menguji soal selidik tersebut terlebih dahulu dengan melakukan kajian rintis (Noraini, 2013).

Memandangkan situasi pandemik Covid19 masih berlaku di Malaysia, format soal selidik telah diubah ke dalam bentuk *Google Form* dan diedar secara atas talian. Cabaran dalam membuat edaran soal selidik dalam alam maya adalah penglibatan responden dalam menjawab soal

selidik tidak begitu serius. Berbeza keadaannya jika soal selidik diedar secara *face to face* didapati pelajar akan menjawab sehingga selesai. Ghazali & Sufean 2016, persembahan dan laporan data dalam kajian tinjauan biasanya dibuat dengan menggunakan soal selidik serta boleh dianalisis menggunakan dua jenis statistik iaitu deskriptif dan inferensi. Rasimah, Puziawati dan Noorizam (2000) menyatakan bahawa kajian yang berbentuk deskriptif perlu menggunakan strategi analisis data seperti min, median, mod, peratusan dan sisihan piawaian. Manakala persembahan data perlu dibentangkan secara bergraf atau berjadual.

Peserta kajian yang dipilih merupakan mereka yang telah memenuhi kriteria kajian iaitu pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai bidang pengajian. Bagi mencapai matlamat kajian iaitu untuk melihat kemahiran yang diperolehi semasa belajar di universiti, maka para pelajar yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman menyelesaikan tugas berbentuk projek atau program dalam kerja kursus.

Dapatan Kajian

Bahagian ini akan memperlihatkan analisis dan perbincangan terhadap data-data yang telah diperolehi dalam kajian ini. Analisis dapatan kajian dibuat dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis tekstual dan kaedah analisis deskriptif. Kaedah analisis tekstual digunakan untuk menganalisis data-data sekunder bagi mencapai objektif pertama. Manakala kaedah analisis deskriptif yang membabitkan peratusan digunakan untuk menganalisis data-data primer bagi mencapai objektif pertama, kedua dan ketiga. Laporan analisis dilaporkan berdasarkan kepada objektif kajian serta diikuti dengan perbincangan secara keseluruhan.

Bil	Item	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju
1	Saya dan ahli kumpulan berbincang terlebih dahulu aktiviti yang akan dilaksanakan di dalam komuniti bagi menyelesaikan tugas kursus Khidmat Masyarakat.	179 (74.9%)	62 (25.9%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)
2	Saya bersama ahli kumpulan merangka kertas kerja yang mantap agar diterima oleh pensyarah.	153 (64%)	89 (37.2%)	1 (0.4%)	0 (0%)
3	Saya berbincang dengan ahli kumpulan tentang pembahagian tugas bagi setiap ahli kumpulan.	183 (76.6%)	57 (23.8%)	0 (0%)	1 (0.4%)
4	Saya memperolehi pengetahuan penyediaan kertas kerja melalui pensyarah dan medium dalam talian.	127 (53.1%)	108 (45.2%)	1 (0.4%)	4 (1.7%)
5	Saya dan ahli kumpulan menunjukkan kertas kerja yang dirangka kepada pensyarah sebelum memulakan sebarang aktiviti berkaitan tugas.	143 (59.8%)	91 (38.1%)	5 (2.1%)	1 (0.4%)
6	Saya berhadapan cabaran getir dalam menyiapkan kertas kerja dan tugas kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah.	77 (32.2%)	139 (58.2%)	5 (2.1%)	23 (9.6%)
7	Saya dan ahli kumpulan berkongsi perbelanjaan yang diperlukan dalam menyiapkan tugas yang diberikan.	105 (43.9%)	137 (57.3%)	2 (0.8%)	3 (1.3%)
8	Saya dan ahli kumpulan menggunakan rujukan daripada pelbagai sumber yang terdiri daripada media cetak dan elektronik dalam menyiapkan laporan tugas.	142 (59.4%)	98 (41%)	3 (1.3%)	1 (0.4%)
9	Saya dan ahli kumpulan mengadakan latihan bagi tujuan pembentangan tugas.	80 (33.5%)	143 (59.8%)	10 (4.2%)	12 (5%)
10	Saya dapati pembelajaran atas talian menghadkan kreativiti pelajar dalam mengaplikasi 'Community Based Learning' (CBL) dalam kursus Khidmat Masyarakat.	102 (42.7%)	105 (43.9%)	7 (2.9%)	28 (11.7%)

Jadual 1: Penyediaan Tugas

Sumber: Soal selidik 2021

Berdasarkan kepada maklumat responden kaedah pengendalian pengajaran dan pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat oleh pensyarah adalah dengan menggunakan teknik atas talian. Para pelajar dikehendaki menyediakan kertas kerja projek, mengumpul data dan diakhiri dengan laporan penulisan. Berdasarkan jadual di bawah, dapat dilihat respon responden dari penyediaan kertas kerja dan cabaran pembelajaran dalam talian bagi para pelajar. Kebanyakan responden menyatakan mereka menghadapi masalah untuk menyiapkan kertas kerja kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah. Hampir (58.2%) pelajar bersetuju ia adalah cabaran besar buat mereka dalam mengharungi proses pembelajaran dalam alam maya. Pelajar turut merasakan kreativiti mereka tidak begitu terserlah apabila pembelajaran atas talian dilaksanakan. Hampir (43.9%) pelajar merasakan pembelajaran atas talian menghadkan kreativiti pelajar dalam mengaplikasi 'Community Based Learning' (CBL) dalam kursus Khidmat Masyarakat.

Jadual 2 : Kesan Pelaksanaan CBL terhadap Pelajar

Bil	Item	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju
1	Saya dapat meningkatkan kualiti komunikasi apabila CBL digunakan dalam kursus Khidmat Masyarakat.	73 (30.5%)	146 (61.1%)	8 (3.3%)	17 (7.1%)
2	Saya dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam menyiapkan tugas.	83 (34.7%)	150 (62.8%)	7 (2.9%)	1 (0.4%)
3	Saya dapat meningkatkan keyakinan diri, menjadi lebih efektif dan cekap apabila mengaplikasi CBL dalam menyelesaikan tugas kursus Khidmat Masyarakat.	75 (31.4%)	157 (65.7%)	4 (1.7%)	4 (1.7%)
4	Saya memperoleh banyak pengalaman baru apabila CBL digunakan dalam kerja kursus Khidmat Masyarakat.	96 (40.2%)	137 (57.3%)	3 (1.3%)	8 (3.3%)
5	Saya dapat meningkatkan tatacara interaksi dengan komuniti apabila mengaplikasi CBL dalam menyiapkan tugas.	73 (30.5%)	156 (65.3%)	7 (2.9%)	6 (2.5%)
6	Saya dapat membina sahsiah kepimpinan apabila berkerjasama dengan ahli kumpulan yang mempunyai latar belakang berbeza.	104 (43.5%)	130 (54.4%)	6 (2.5%)	4 (1.7%)
7	Saya dapat mempelajari dan membina nilai-nilai murni dalam diri semasa bekerjasama dengan ahli kumpulan dan komuniti dalam menyiapkan tugas.	108 (45.2%)	127 (53.1%)	3 (1.3%)	2 (0.8%)
8	Saya dapat mempelajari keyakinan diri, menjadi lebih efektif dan cekap dalam memastikan perbelajaan mencukupi untuk menyiapkan tugas Khidmat Masyarakat.	79 (33.1%)	154 (64.4%)	7 (2.9%)	5 (2.1%)
9	Saya bertanggungjawab terhadap masalah yang dihadapi dalam komuniti.	71 (29.7%)	158 (66.1%)	7 (2.9%)	8 (3.3%)

10	Saya merasa yakin untuk memberi khidmat kepada komuniti apabila memahami masalah yang dihadapi oleh mereka.	90 (37.7%)	144 (60.3%)	11 (4.6%)	2 (0.8%)
----	---	---------------	----------------	--------------	-------------

Sumber: Soal selidik 2021

Berdasarkan jadual di atas, terdapat pelbagai persepsi responden terhadap kesan pelaksanaan CBL dalam pembelajaran kursus Khidmat Masyarakat. Antara faedah yang diperolehi adalah dapat meningkatkan kualiti komunikasi (61.1%). Melalui gerak kerja berkumpulan para pelajar dapat membina hubungan sesama mereka dan membina kemahiran komunikasi secara tidak langsung. Penyelesaian tugas memerlukan komitmen yang tinggi bagi setiap pelajar. Oleh itu, mereka secara tidak langsung perlu membina kemahiran komunikasi supaya tugas yang diberikan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala perubahan gaya berfikir dalam kalangan pelajar turut berlaku apabila (62.8%) bersetuju bahawa melalui pendekatan CBL mereka secara tidak langsung dapat membina kemahiran berfikir secara kritis. Antara kesemua aspek yang telah disoal dalam soal selidik didapati aspek keyakinan diri dan bekerja dengan lebih efektif serta cekap mencapai peratusan bersetuju yang agak tinggi iaitu (65.7%). Manakala rasa tanggungjawab terhadap masalah yang dihadapi dalam komuniti mendapat peratus persetujuan tertinggi iaitu (66.1%).

Walau bagaimanapun, terdapat aspek-aspek lain yang sedikit rendah peratusannya seperti dapat menimba pengalaman baru (57.3%), membina sahsiah kepimpinan (54.4%) dan membina nilai-nilai murni (53.1%). Melalui jawapan yang diberikan oleh responden, peratusan bagi tidak setuju dan sangat tidak setuju sangat rendah bagi kesemua aspek yang telah dibincangkan di atas iaitu antara 1-2% sahaja. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden, pengkaji menyimpulkan bahawa, kesan mengaplikasi CBL dalam kursus pengajian pelajar secara tidak langsung dapat mengubah personaliti dan tingkah laku pelajar. Nilai-nilai positif dapat dibina secara tidak langsung dalam diri mereka dengan tidak mengharapkan apa-apa balasan. Personaliti yang positif seperti ini sangat penting bagi seorang mahasiswa supaya ia dapat menarik perhatian majikan apabila memasuki alam kerjaya nanti.

Dalam kajian psikologi, pembentukan personaliti individu terbentuk secara semulajadi ataupun dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Menurut Hans Eysenck, terdapat 2 dimensi terhadap pembentukan personaliti individu iaitu *introverted* dan *extraverted*. *Introverted* merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap apa yang difikirkan berbanding dengan apa yang difikirkan oleh orang lain. Manakala *extraverted* merujuk kepada kelebihan yang ada dalam diri seseorang (Michael & Ronald, 2011). Selain itu, melalui kajian Albert Bandura berkaitan *self-efficacy*, beliau menyifatkan personaliti individu dibentuk berdasarkan 4 aspek berikut. Antaranya adalah, kejayaan masa silam (*performance experience*), percakapan (*verbal persuasion*), pemerhatian (*observational learning*) dan tarikan emosi (*emotional arousal*) (Michael & Ronald, 2011).

Bil	Item	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju
1	Saya tidak boleh berfikir secara kritis apabila menghadapi masalah.	16 (6.7%)	81 (33.9%)	37 (15.5%)	110 (46%)
2	Saya kurang yakin pada diri sendiri untuk menyuarkan pendapat.	19 (7.9%)	87 (36.4%)	49 (20.5%)	94 (39.3%)
3	Saya menghadapi masalah apabila berhadapan dengan perbezaan pendapat antara ahli kumpulan.	15 (6.3%)	93 (38.9%)	45 (18.8%)	90 (37.7%)
4	Saya menghadapi masalah apabila terdapat rakan ahli yang tidak memberikan komitmen.	71 (29.7%)	115 (48.1%)	19 (7.9%)	34 (14.2%)
5	Saya menghadapi masalah dalam memahami arahan tugas terutama apabila pembelajaran dijalankan dalam bentuk atas talian.	35 (14.6%)	97 (40.6%)	37 (15.5%)	73 (30.5%)
6	Saya menghadapi masalah komunikasi ketika menjalankan aktiviti bersama ahli kumpulan.	23 (9.6%)	79 (33.1%)	44 (18.4%)	96 (40.2%)
7	Saya tidak boleh berinteraksi dengan baik apabila berhadapan dengan komuniti yang berbeza budaya.	13 (5.4%)	53 (22.2%)	52 (21.8%)	123 (51.5%)
8	Saya tidak dapat menguruskan masalah yang dihadapi dalam komuniti.	9 (3.8%)	56 (23.4%)	48 (20.1%)	128 (53.6%)
9	Saya menghadapi masalah apabila terdapat komuniti yang tidak memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dirancang.	45 (18.8%)	134 (56.1%)	16 (6.7%)	45 (18.8%)
10	Saya menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber kewangan.	31 (13%)	117 (49%)	24 (10%)	70 (29.3%)

Jadual 3: Cabaran Pelaksanaan CBL kepada Pelajar

Sumber: Soal selidik 2021

Pelaksanaan pembelajaran dengan konsep *Community Based Learning* adalah konsep yang digemari hampir majoriti pelajar di institusi pengajian tinggi pada masa kini. Mahasiswa kini mengharapkan pelaksanaan tugas bukan sekadar menyiapkan `assignment` tetapi mereka mahukan tugas yang memerlukan mereka keluar bersemuka dan berinteraksi dengan masyarakat. Namun, tidak dapat dinafikan terdapat segelintir mahasiswa yang tidak berminat kepada aktiviti sosial yang memerlukan mereka berjumpa dengan orang awam. Atas dasar ini, maka pengkaji telah cuba mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar apabila CBL dilaksanakan dalam kursus Khidmat Masyarakat.

Antara aspek cabaran yang telah ditanya adalah berfikir secara kritis, tidak ada keyakinan diri, komitmen, dan cabaran dengan komuniti. Berdasarkan jawapan daripada responden, didapati hampir 56.1% pelajar bersetuju bahawa ia menjadi masalah jika komuniti tidak memberikan kerjasama. Ia merupakan penyumbang peratusan tertinggi berbanding item-item yang lain. Bagi kajian yang melibatkan komuniti, mereka adalah instrument utama kajian. Jika kerjasama yang diberikan agak rendah sudah tentu kejayaan program yang dirancang akan menemui

kegagalan. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar untuk menyiapkan tugas Khidmat Masyarakat adalah dari aspek sumber kewangan. Hampir 49% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pelajar perlu mencari dana sendiri demi menjayakan projek yang dirancang jika tidak ada suntikan kewangan dari pihak universiti. Bagi menjayakan sesuatu tugas yang memerlukan pelajar berinteraksi dengan masyarakat, sudah pasti sumber kewangan yang mencukupi diperlukan. Kekangan kewangan boleh melambatkan proses menyiapkan tugas.

Manakala peratusan ketiga tertinggi hasil dari respon pelajar ialah 48.1%. Ia merujuk kepada permasalahan yang bakal mereka hadapi apabila terdapat rakan ahli yang tidak memberikan komitmen. Ramai pelajar bersetuju dengan pernyataan ini disebabkan dalam gerak kerja berkumpulan, komitmen yang tinggi antara ahli sangat diperlukan. Jika tidak, akan berlaku masalah-masalah seperti seorang sahaja pelajar yang menyiapkan tugas atau kelewatan menghantar tugas. Manakala kurang yakin pada diri 36.4%, perbezaan pandangan 38.9% dan masalah komunikasi 33.1% Tahap keyakinan diri adalah berbeza antara satu individu dengan individu yang lain. Setiap individu dianugerahkan keyakinan diri berbeza kerana ia berkait rapat dengan orientasi keluarga, persekitaran dan pengalaman.

Seterusnya, perbezaan pandangan adalah keadaan yang sering berlaku dalam kalangan individu. Perbezaan pandangan boleh berlaku disebabkan prinsip dan pegangan yang berbeza. Keadaan akan menjadi serius apabila perbezaan pandangan ini telah menyumbang kepada konflik. Konflik berterusan adalah tidak digalakkan kerana ia akan menyebabkan kepincangan dalam masyarakat. Steward (2011) menyatakan perbezaan pandangan atau interpretasi berlaku apabila terdapat perbezaan budaya yang merangkumi gender, etnik, status sosio-ekonomi dan sebagainya. Perbezaan pandangan juga boleh berlaku jika seseorang itu ingin mencapai matlamat tertentu. David McClelland dalam kajian beliau berkaitan usaha seseorang untuk mencapai matlamat akan mengubah tingkahlaku menjadi seorang yang akan berusaha untuk membuat yang terbaik dan akan bersaing untuk diterima pandangannya (Larsen & Buss, 2014).

Selain itu, masalah komunikasi akan menyebabkan berlaku kesilapan dalam penyampaian maklumat atau kelewatan dalam menerima maklumat. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) 2006 dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia ada menggariskan beberapa elemen komunikasi. Antaranya adalah kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan berunding dan mencapai persetujuan dan kebolehan membuat pembentangan secara jelas. Komunikasi yang berkesan perlu berlaku dalam kedua-dua bahasa sama ada Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris. Seseorang individu itu dianggap mempunyai kemahiran komunikasi yang baik apabila dapat berinteraksi dengan baik dalam konteks yang berlainan dan dengan peserta komunikasi yang berlainan (Mohd. Sattar, Rose Amnah & Mohd. Yusuf, 2014)

Kesimpulan

Fasa transformasi pendidikan tinggi negara sedang melalui proses untuk melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing dan berdikari. Keterlibatan pelajar dalam komuniti boleh dianggap sebagai pengalaman pertama mereka sebelum menjejakkan kaki ke alam kerjaya. Pada dasarnya, keterlibatan mereka secara tidak langsung dapat mengasah bakat yang sedia ada, memanfaatkan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah selain membina keyakinan diri dan kental menghadapi cabaran. Kursus Khidmat Masyarakat merupakan salah satu kursus yang diperkenalkan di universiti awam mahupun swasta akan dapat melengkapkan hubungan baik

institusi iaitu universiti dengan orang awam. Selain daripada proses pembinaan personaliti mahasiswa, penilaian berterusan perlu dilakukan supaya matlamat pelaksanaan Khidmat Masyarakat mencapai sasarannya. Jika gagal mencapai matlamatnya, program yang dirancang akan menjadi sia-sia dan tidak dapat memberi manfaat kepada komuniti dan mahasiswa. Selain pembaziran masa dan tenaga, pembaziran wang akan turut berlaku. Oleh itu, pelaksanaan CBL akan membuka minda mahasiswa tentang permasalahan yang wujud dalam masyarakat dan masyarakat akan merasa dihargai. Toleransi dan perhubungan yang baik antara mahasiswa dan komuniti akan menjamin pembentukan masyarakat Malaysia yang harmoni dan hidup dalam keadaan aman dan sentosa.

Rujukan

- Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi Dalam Matapelajaran Umum. (2019). Jabatan Pendidikan Tinggi: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hairol Anuar Mak Din, Khairul Hamimah Mohd. Jodi & Faridah Che Hussain. (2017). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian Malaysia di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal Community* : 3:2.
- Johari Surif, Nor Aliah Zainal, Nor Hasniza Ibrahim & Abdul Halim Abdullah. (2014). Pengetahuan Dan Amalan “ Akademia Baru ” dalam Kalangan Pensyarah : Satu Kajian Kes Di Universiti Teknologi Malaysia. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 11-13 Ogos 2014*.
- Larsen, R.J & Buss, D.M. (2014). *Personality Psychology* (5th Ed.). New York: McGraw Hill International Edition.
- Maznah Ibrahim, Norain Azlan, Nor Afian Yusof, Jamsari Alias & Najah Nadiah Amran. (2018). Service-learning: Mengungkap Definisi untuk Pembelajaran Abad ke 21 *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 19: 43-55.
- Maznah Hj Ibrahim. (2014). Educating the Educators: Reflections Post SL Projects. *National Action Research Conference. 24-25 June 2014*.
- Muhammad Asyraf Mansor, Mohd Nazri Abdul Rahman & Nik Hassan Seman. (2021). Impak Program Jalinan Masyarakat UMcares Kluster Pendidikan: Retrospektif Komuniti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 8:1.
- Mohd. Sattar Rasol, Rose Amnah Abdul Rauf & Mohd. Yusuf Husain. (2014). *Kemahiran Kebolehdapatan Kerja, Suatu Keperluan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Najah Nadiah Amran & Hamdi bin Ishak. (2017). Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Jurnal al-Turath*. 2 (1):1-9.
- _____, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. (2016). Pendekatan service-learning dalam kursus kemahiran insaniah: transformasi positif dalam kalangan pelajar perubatan ukm-unpad. *Jurnal Personalia Pelajar*. 19:17-30.
- Noraini Idris, (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan. (Ed. ke-2)* Shah Alam: McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 37(1): 209-226
- Passer, M.W. & Smith, R.E. (2011). *Psychology, The Science of Mind and Behavior* (5th Ed.). New York: McGraw Hill International Edition.

Rasimah Aripin, Puziawati Ab.Ghani & Noorizam Daud. (2000). *Data Management and Analysis: A Simplified Approach*. Universiti Teknologi Mara: Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif.

Stewart, F. (2011). Changing the atmos`fear' in the public speaking classroom (Special Issues). *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 1(7), 9-13.

`Adlina Binti Abdul Khalil

Pensyarah

Pusat Pengajian Umum

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah

09300 Kuala Ketil

Kedah.

Dr. Syed Sultan Bee Binti Packeer Mohamed

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Umum

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah.

Haslina Binti Hassan

Pensyarah

Pusat Pengajian Umum

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah

09300 Kuala Ketil

Kedah.

Azizah Binti Ibrahim

Pensyarah

Pusat Pengajian Umum

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah

09300 Kuala Ketil

Kedah.